

# PM: Saya tetap hadir majlis simposium di UM

UM 1 JUL 2001

Oleh  
AKMAR HISHAM MOKHLES

SHAH ALAM 30 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan tetap menghadiri majlis penutup *Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru* di Universiti Malaya (UM) esok, walaupun ada ura-ura pihak tertentu mahu mengadakan demonstrasi bagi menghalang keahadirannya ke situ.

Tegas Perdana Menteri, universiti tertua itu adalah milik semua orang dan kerana itu sesiapa pun berhak untuk pergi ke sana.

“Saya pergi (ke UM). Ini bukan milik dia orang. Itu (UM) milik semua orang.

“Saya pun ada hak ke atas universiti itu juga,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen UMNO Ke-10 Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai adanya gerakan yang cuba menghalang kehadiran beliau mel-

lui penyebaran risalah kecil di dalam kampus UM.

Menurut beberapa pelajar UM, risalah yang terdandung slogan *Mahasiswa Bersama-sama Masyarakat* itu disebar di beberapa kolej kediaman selain ditaburkan di atas jalan raya.

- **Pasukan khas polis siasat kebakaran — Muka 4**
- **Anuar tidak akan letak jawatan — Muka 11**

Risalah itu antara lain berbunyi: “Tahu tak anda siapa yang akan masuk ke kampus anda pada 1 Julai ini? Itulah dia...P.M. Adakah anda sanggup menerima kehadiran pengkhianat ini? Bersama-samalah dengan kami membantah kehadirannya pada 1 Julai 2001. Masa: 9.30 pagi. Bertempat: Depan DTC.”

Mengikuti jadual, Perdana Menteri akan berucap di hadapan mahasiswa dari 15 universiti dan pengajian tinggi awam dari seluruh negara pada majlis penutup simposium tersebut.

Simposium dua hari itu dianjurkan oleh Yayasan Penggerak Wawasan (YPW). Mengulas lanjut, Dr. Ma-

hathir berkata, golongan yang menentang keahadirannya ke UM tidak boleh menganggap kampus berkenaan sebagai hak milik mereka.

“Kalau dulu kita (kerajaan) tak berusaha, dia pun tak dapat duduk di situ. Janganlah ingat kata dia punya,” ujar beliau.

Terdahulu ketika berucap merasmikan konvensyen itu, Perdana Menteri menegur pelakuan buruk segelintir pelajar universiti yang terbabit dalam kegiatan yang tidak melambangkan ketinggian pencapaian pendidikan mereka.

Secara berseloroh beliau berkata: “Masuk universiti bukan untuk bakar dewan. Tak payah belajar tinggitinggi pun orang boleh bakar dewan. Orang bodoh tongong pun boleh bakar.

“Tapi tak tahulah kalau tiba-tiba pada pukul 3 pagi dewan (DTC) tu, tiba-tiba bakar dirinya sendiri. Itu ada kemungkinan juga”.

Meskipun begitu, Dr. Mahathir menegaskan kata-katanya itu bukanlah bermaksud beliau menuduh mana-mana pihak terbabit

■ **Lihat muka 4**

## PM: Saya tetap hadir majlis simposium di UM

dalam kejadian kebakaran tersebut.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir turut menegur sikap segelintir pelajar universiti yang berlagak pandai dan meminta kerajaan memerintah mengikut kehendak mereka.

“Ada yang baru masuk universiti hari ini, dah tahu nak ajar kita bagaimana cara nak memerintah negara,” katanya.

Tambah Perdana Menteri, para pelajar sepatutnya menumpukan terlebih dahulu perhatian terhadap pelajaran mereka berbanding soal lain demi memastikan lebih ramai pelajar cemerlang dapat dihasilkan.

Beliau berkata, prestasi pelajaran anak-anak Melayu terutamanya masih rendah disebabkan ramai yang tidak memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran sewaktu belajar di universiti.

Sehubungan itu Dr. Mahathir menggesa ibu bapa agar memastikan anak-anak mereka yang belajar di universiti terus cemerlang dalam akademik dan tidak terus leka dengan aktiviti yang tidak berfaedah.